



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
NEGERI SELANGOR**

**INSIDEN KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN PEKERJA TERJATUH DI TAPAK
PEMBINAAN MUTIARA DAMANSARA, SELANGOR**

Petaling, 28 Jun – Satu kemalangan maut melibatkan runtuh struktur bangunan dalam pembinaan di Jalan PJU 7/6, Mutiara Damansara berlaku pada jam 2.00 petang 27 Jun 2018. Kemalangan berlaku ketika seorang pekerja yang sedang menjalankan aktiviti kerja memasang *formwork* pada *column* dan *slab* di tingkat 23 bangunan berkenaan. Dalam kejadian tersebut, mangsa telah jatuh ke tingkat 22 pada ketinggian 8.6 meter daripada atas *column* ke lantai di tingkat 22.

Sehubungan dengan itu, sepasukan pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja serta merta ke atas aktiviti pembinaan dan menjalankan siasatan bagi mengenalpasti punca kejadian berlaku. Tindakan perundangan akan diambil sekiranya didapati terdapat pelanggaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994) dan Akta Kilang dan Jentera (1967) ke atas pihak yang bertanggungjawab.

JKKP memandang serius setiap insiden dan kemalangan yang berlaku terutamanya melibatkan pekerja mahupun orang awam. Adalah menjadi tanggungjawab majikan dan juga pekerja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

###

**Dikeluarkan oleh:
Pejabat Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor.**

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor,
Tingkat 7 & 8, Wisma Consplant 2,
Jalan SS 16/1,
47500 Subang Jaya, Selangor.